

# MESYUARAT AGUNG PERSATUAN PEERS



Pusat Kerjaya dan Kaunseling (PKK) dan Badan Peer Kaunselor (PEERs) UiTM Shah Alam telah mengadakan *Annual Grand Meeting (AGM)* Badan Peer Kaunselor (PEERs) UiTM Shah Alam 2021/2022 pada hari Sabtu, 02 April 2022 yang lepas dan telah dirasmikan oleh Puan Roslinda Mohd Subbian, Timbalan Pegawai Psikologi Kanan PKK.

Mesyuarat agung tahunan ini telah berlangsung secara hibrid bertempat di Bilik Seminar PKK dan secara dalam talian (Google Meet). Program ini turut dihadiri oleh Encik Rosdi Ali, Timbalan Pegawai Psikologi bagi Unit Kaunseling dan Encik Norhisham Ya'cob, Pegawai Psikologi Kanan Merangkap Penasihat PEERs sesi 2020/2021.

Semangat kerjasama antara mantan Badan PEERs sesi 2021/2022 serta ahli jawatankuasa sesi 2022/2023 dapat diwujudkan bagi menerajui Badan PEERs menjadi sebuah persatuan yang disegani.

Di samping itu, Puan Masrina Abdul Halim dan Puan Nurhadaina Hani Zaharin telah dilantik sebagai Penasihat 1 dan Penasihat 2 Badan PEERs bagi sesi 2022/2023.

## KURSUS KEPIMPINAN PEERS SIRI 1/2022

Kursus Kepimpinan Peers Siri 1/2022 telah diadakan pada 18 Jun 2022 bersama 17 orang pelajar PEERs bertempat di Bilik Mesyuarat HEP, Kompleks Budiswasa.

Kursus ini memberi latihan dan menerapkan nilai murni serta kemahiran mendengar, membantu, kemahiran asas kaunseling, dan asas komunikasi.

Di samping itu, kursus ini juga melatih diri peserta memahami kekuatan dan juga kelemahan diri sendiri dalam membentuk sikap positif dan sifat kepimpinan dalam diri peserta.

Ceramah dan aktiviti telah dikendalikan oleh empat orang pegawai psikologi Pusat Kerjaya dan Kaunseling iaitu Puan Masrina Abdul Halim selaku Penasihat 1 PEERs, Puan Siti Nuraini Amran, Puan Nurain Atan dan Cik Wan Nurhashima Wan Sahid.





### PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING

Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Aras 5, Kompleks Budisiswa  
Universiti Teknologi MARA  
Shah Alam

03 - 5544 2630/2379/3211/3496  
pkk@uitm.edu.my